

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PMT 400 – Pengurusan Makmal Multimedia**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **SEMUA** soalan dalam **BAHAGIAN A** dan jawab **DUA (2)** soalan sahaja daripada **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A**  
(50 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Terdapat **TIGA (3)** perkara penting yang perlu diutamakan ketika merekabentuk sesebuah makmal multimedia. Nyata dan jelaskan ketiga-tiga perkara tersebut.  
(15 markah)
  
2. Jelaskan **LIMA (5)** sebab yang boleh digunakan bagi menentukan keputusan bahawa sistem rangkaian tanpa wayar adalah lebih praktikal berbanding sistem rangkaian berwayar.  
(15 markah)
  
3. a) Berikan definisi "*Human Computer Interface*" (HCI). Nyatakan **TIGA (3)** sebab wujudnya kepentingan terhadap HCI dalam merekabentuk makmal dan peralatan.  
(10 markah)
  
- b) Secara umum, terdapat **TIGA (3)** peruntukan perundangan yang utama dalam menguatkuasakan hakcipta penerbitan multimedia. Jelaskan ketiga-tiga peruntukan tersebut.  
(10 markah)

**BAHAGIAN B**

(50 markah)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

4. a) Berikan definisi “perisian dan peralatan pencegahan”. Senaraikan kategori perisian dan peralatan ini serta kepentingannya dalam makmal multimedia.  
(10 markah)
- b) Sebagai seorang Penyelia Teknologi Maklumat dalam organisasi anda, bincangkan bagaimana usaha-usaha keselamatan data dapat dibangunkan dengan mengaplikasikan kaedah “*preventive*” yang bersesuaian.  
(15 markah)
5. a) Terangkan **DUA (2)** kaedah pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah makmal multimedia.  
(10 markah)
- b) Anda baru dilantik menjadi seorang Penyelia Teknologi Maklumat di sebuah sekolah menengah. Cadangkan beberapa tindakan yang sesuai dalam menentukan arah bagi mencapai objektif pengurusan makmal multimedia yang efisien.  
(15 markah)
6. a) Jelaskan **DUA (2)** isu dan permasalahan utama pengurusan makmal multimedia di sekolah-sekolah di Malaysia.  
(10 markah)
- b) Bincangkan cadangan Fryer (2000) terhadap fungsi makmal multimedia dan penggunaan sumber guna tenaga manusia bagi memastikan kecekapan pengurusan makmal berada di tahap yang maksimum.  
(15 markah)